



KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

NOTIS PEMBERITAHUAN

PENCALONAN UNTUK PEMILIHAN PERWAKILAN KAWASAN 1 KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-72 & KE-73

Kepada:

Para Anggota yang dihormati

Adalah dimaklumkan bahawa Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad akan mengadakan Mesyuarat Agung Kawasan 1. Salah satu agenda adalah pemilihan Perwakilan Ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-72 & Ke-73 Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad. Tarikh dan tempat mesyuarat adalah seperti ketetapan berikut:

TARIKH	TEMPAT
25 April 2026 (Sabtu)	Penview Convention Centre Demak (PCC) Sejingkat, Kuching

Untuk makluman anggota, bilangan perwakilan Kawasan 1 adalah seperti dibawah:-

KAWASAN	BAHAGIAN	BILANGAN PERWAKILAN	KEKOSONGAN DIPILIH
1	Bahagian Kuching, Kota Samarahan dan Sri Aman	52 orang	52 orang

Oleh itu, anggota di kawasan tersebut di atas yang berminat untuk menjadi Perwakilan dijemput untuk mengambil Borang Pencalonan Sebagai Calon Perwakilan (KKSB/MAK/BPCP-2026) daripada Ibu Pejabat, Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad, Kuching atau mana-mana Pejabat Cawangan yang berdekatan pada waktu bekerja.

Borang Pencalonan Sebagai Calon Perwakilan (KKSB/MAK/BPCP-2026) boleh juga dimuat turun dari halaman web koperkasa www.koperkasa.com.my (sila klik pautan muat turun) mulai 17 MAC 2026.

TARIKH BORANG MULA DIKELUAR

(Mengambil Borang)

TARIKH	HARI	MASA
17 MAC 2026 (SELASA)	ISNIN - KHAMIS	: 8.30 - 12.30 TENGAHARI
		: 2.00 - 4.00 PETANG
	JUMAAT	: 8.30 - 11.00 PAGI
		: 2.30 - 4.00 PETANG

TARIKH TUTUP PENGHANTARAN BORANG

TARIKH	HARI	MASA
30 MAC 2026	ISNIN	4.00 PETANG

SYARAT-SYARAT PENGHANTARAN BORANG

1. Borang pencalonan hendaklah dihantar oleh calon sendiri, **WAKIL TIDAK DIBENARKAN**;
2. Borang boleh dihantar terus ke Ibu Pejabat atau mana-mana pejabat cawangan yang terdekat;
3. Hanya penghantaran melalui faks daripada Pejabat Cawangan dibenarkan;
4. Bagi mengelak sebarang kesulitan, calon diminta membaca dan meneliti syarat-syarat dalam borang pencalonan sebelum mengisinya.

CABUTAN NOMBOR CALON


1. Nombor calon akan ditentukan dengan cara cabutan nombor;
2. Semua calon diminta untuk hadir semasa sesi cabutan Nombor Calon pada ketetapan seperti berikut:
Tarikh : 1 April 2026 (Rabu)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad
Bilik Mesyuarat H.M Cockles, Aras 2,
No. 16 – 20 Wisma Koperkasa,
Jalan Simpang Tiga,
93300 Kuching, Sarawak.
3. Jika ada calon yang tidak hadir, maka cabutan nombor calon bagi calon berkenaan akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengundian dan **keputusan adalah muktamad.**

Calon-Calon akan dihubungi dari masa ke semasa sekiranya ada perubahan dan informasi tambahan.

Kerjasama daripada anggota-anggota adalah amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

Dengan perintah Anggota Lembaga
Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad



(AHMAD BIN MALIE JBK,PBK,PPS)

Setiausaha

s.k: Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan Sarawak

Tarikh: 24 Februari 2026